

D570

U B139 AAB  
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PUCUK PIMPINAN PARTI TIDAK AKAN MENGANIAYAI MANA-MANA ANGGOTA PARTI YANG MEMIHAK KEPADA SESIAPA DALAM KEMPEN BAGI PEMILIHAN JAWATAN DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO 24 APRIL.

SEMASA MENEMUI PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN DASAR EKONOMI BARU SELEPAS 1990, DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA SOAL ITU TIDAK TIMBUL WALAU SESIAPA PUN MENERAJUI PARTI KELAK.

+SAYA PERCAYA JIKA TENGGU RAZALEIGH MENANG BELIAU JUGA TIDAK AKAN MENGANIAYAI KEPADA YANG LAIN-LAIN+, KATANYA.

(MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH DISEBUT-SEBUT AKAN MENCABAR DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM PEMILIHAN JAWATAN TERTINGGI PARTI, APRIL INI).

KETIKA DIMINTA MENGULAS DAKWAAN BAHAWA BEBERAPA ORANG MENTERI AKAN MENINGGALKAN KABINET, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BELUM +MENDEGAR KENYATAAN ITU DARI MULUT MENTERI BERKENAAN+. - LAGI.  
1557MST 24 03 87

U B140 AAB  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

SELAMA INI, KENYATAAN ITU DIBUAT OLEH ORANG LAIN DAN BUKAN MENTERI-MENTERI BERKENAAN, KATANYA.

SEMASA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM BAHAWA BELIAU SANGGUP MENERIMA APA-APA TINDAKAN DENGAN MENYOKONG TENGGU RAZALEIGH, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENYANJUNGI KENYATAAN ITU.

+DATUK RAIS ADALAH ORANG YANG BERANI DAN SAYA MENYANJUNGI TINDAKAN BELIAU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN PRESIDEN PARTI, BELIAU BERKATA BUKAN SOAL MENJADI PRESIDEN PARTI YANG MENJADI PERTIMBANGAN TETAPI KERANA IA MENJADI ANAK TANGGA UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA YANG HENDAK MENJADI PRESIDEN BOLEH MENDAPAT JAWATAN ITU DENGAN MENUBUHKAN PARTI BARU DAN MENJADI PRESIDENNYA TETAPI KEUTAMAAN JAWATAN PRESIDEN UMNO KERANA IA MEMBOLEHKAN SESEORANG ITU MENJADI PERDANA MENTERI. - LAGI.  
1601MST 24 03 87

U B143 AAB  
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI DAKWAAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM YANG BELIAU SENDIRI MELANGGAR TRADISI PARTI ITU PADA TAHUN 1969 LAGI DENGAN MENGKRITIK TUNKU ABDUL RAHMAN SEMASA TUNKU MENJADI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN ITU BERBEZA DENGAN SEKARANG.

+PADA MASA ITU SAYA BUKAN HENDAK MENJATUHKAN TUNKU DARIPADA JAWATAN PRESIDEN UMNO,+ KATANYA.

TENTANG DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA BELIAU MEMERINTAH SEPERTI DIKTATOR, PERDANA MENTERI BERKATA DAKWAAN ITU TIMBUL SEMATA-MATA KERANA PEMILIHAN PARTI BULAN DEPAN. - BERNAMA.  
1609MST 24 03 87